



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**24 Mei 2024
15 Zulkaedah 1445H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	• Pantai Teluk Bahang diisytihar pantai mesra penyu
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Dua bot nelayan ditahan langgar syarat lesen
The Star	• Keeping sea turtles from going extinct
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	5	24.5.2024

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

HUMAN intervention plays an important role in protecting the country's sea turtle population, which is currently under threat because of the ongoing heatwave.

Reef Check Malaysia (RCM) chief programme officer Alvin Chelliah said investing in items such as sea turtle excluder devices (TED) and propeller guards would not only protect the current population but also ensure their survival.

"A heatwave is something that occurs naturally and beyond our control. Warmer temperatures will produce more females, while colder temperatures will produce more males in a single nest.

"So, in the current situation, we will face an unstable sea turtle population if left unchecked.

"One of the ways to combat this issue is by placing all of these eggs in controlled incubators so that we can have populations that are closer to the real world scenario," he said when contacted.

Alvin, however, said this method would be very costly as it would require a huge number of incubators to control the population.

"We could also introduce a large-scale hatchery that is divided between shaded and unshaded nests.

"This move is also quite tricky, as we need to ensure that water can reach the incubated eggs so that it will not become dry, but not too much water as that will make the nest too damp."

Alvin said an immediate action that could be taken was to introduce a policy that ensured all fishermen's boats were equipped with TED and propeller guards, besides conducting more ocean clean-up for ghost nets.

"For example, one of the most common issues we come across in Pulau Tioman is sea turtles getting caught in ghost nets."

"Placing the TED and propeller guard might seem costly, but we should look at it as a long-term investment," he said.

The cost, he said, should not matter compared to the risk of losing the sea turtle population.

Tengah Island Conservation (TIC) community engagement and environment awareness manager Mohd Alzam Mohd Affandy said its group had worked closely with the Fisheries

Keeping sea turtles from going extinct

NGOs say human intervention key to their survival



A team from Tengah Island Conservation cleaning up a sea turtle egg hatchery. — Courtesy pic

Department (DOF), local non-governmental organisations and local communities to maintain conservation efforts in Mersing.

"We have been closely monitoring nesting activities around the islands off Mersing and helping relocate the eggs to a TIC hatchery to reduce the risk of eggs being collected for consumption.

"Each hatchery nest in TIC also has its temperature maintained to try to balance the number of male and female hatchlings produced," he said.

He added that TIC was also working closely with DOF to promote best practices in collecting sea turtle eggs.

"We have been closely monitoring nesting activities around the islands off Mersing."

Mohd Alzam Mohd Affandy

"TIC has also been conducting a weekly beach clean-up to ensure the nesting beaches and oceans are free from plastics and ghost nets," said Alzam.



Alvin says placing eggs in controlled incubators can help to balance the population.

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN : POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			9	24.5.2024

Pantai Teluk Bahang diisytihar pantai mesra penyu

Georgetown: Pantai Teluk Bahang di sini telah diisytiharkan sebagai pantai mesra penyu selepas pendaratan penyu lipas atau nama saintifiknya *Lepidochelys olivacea* direkodkan di lokasi terbabit, tahun lalu.

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Jabatan Perikanan, Wan Muhammad Aznan Abdullah, berkata kali terakhir spesies penyu terbabit dilihat bertelur di kawasan pantai Hotel Angsana Teluk Bahang berkenaan ialah sekitar 10 hingga 20 tahun lalu.

Beliau memaklumkan, Pulau Pinang mencatatkan data pendaratan ibu penyu sebanyak 292 kali dari 2019 hingga 2023 dengan sejumlah 27,701 biji telur telah diperoleh dalam tempoh tersebut.

“Daripada jumlah itu sebanyak 17,607 biji telur berjaya ditetaskan dengan hanya terdapat dua spesies penyu yang mendarat di sekitar pantai Pulau Pinang, iaitu penyu agar (*Chelonia mydas*) dan penyu lipas.

“Pendaratan reptilia ini bertumpu di Pantai Kerachut, Teluk Kampi dan Teluk Bahang kerana faktor kawasan yang sunyi serta jauh daripada gangguan manusia,” katanya ketika ditemui pemberita pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Kumpulan Aquawalk di sini.

Wan Muhammad Aznan ber-



Wan Muhammad Aznan (tengah) bertukar dokumen dengan Simon pada majlis menandatangani MoU antara Jabatan Perikanan dan Kumpulan Aquawalk di Georgetown. (Foto Mikail Ong/BH)

kata, pihaknya berharap Pulau Pinang menjadi satu daripada pusat pendaratan penyu di Pantai Barat selain Melaka dan Negeri Sembilan.

Terdahulu, MoU itu ditandatangani antara Wan Muhammad Aznan mewakili Pengarah Jabatan Perikanan, Datuk Adnan Hussain dan Pengarah Urusan Kumpulan Aquawalk, Datuk Simon Foong disaksikan Ahli Parlimen Balik Pulau, Datuk Mu-

hammad Bakhtiar Wan Chik.

MoU berkenaan bertujuan menjalin kerjasama berkaitan pengurusan dan pemuliharaan spesies akuatik terancam seperti penyu, mamalia dan batu karang dengan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dilantik sebagai penasihat teknikal bagi usaha pemeliharaan dan rehabilitasi.

Simon pula berkata, MoU itu menandakan komitmen piha-

knya terhadap pemuliharaan marin yang merupakan usaha berterusan dijalankan sejak penubuhan Aquaria KLCC pada 2006.

“Secara asasnya, saya melihat MoU ini penting bagi membolehkan kami melakukan tugas tugas pemuliharaan haiwan terancam, terutama penyu supaya ia boleh terus kembali pada masa akan datang,” katanya.

Sementara itu, Ketua Makmal

Penyelidikan Luar, Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Mohd Uzair Rusli, berkata penyu memainkan peranan penting bagi memastikan keseimbangan ekologi di lautan.

Beliau berkata, penyu belimbing yang popular di Terengganu misalnya, diperlukan untuk mengawal populasi obor-obor yang merupakan diet pakanan utama haiwan itu namun malangnya spesies itu kali terakhir dikesan mendarat ialah pada 2017.

Katanya, peningkatan populasi obor-obor secara mendadak boleh menjejaskan sumber protein manusia yang 20 peratus daripadanya datang dari lautan kerana haiwan itu pemangsa kepada telur ikan, larva selain plankton.

“Berikutan itu, kita akan membangunkan secara bersama penyelidikan serta pusat konservasi marin yang akan menjadi nadi pendidikan, sekali gus menyumbang impak ekonomi dengan aktiviti konservasi ini perlu bersifat inklusif membabitkan kerjasama semua pihak.

“Dalam hal ini, Pantai Teluk Bahang dan Batu Ferringhi unik kerana menjadi tempat persinggahan penyu lipas kerana di seluruh dunia hanya terdapat sekitar 54 pantai persarangan spesies tersebut,” katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF	/	NEUTRAL		25	24.5.2024

Dua bot nelayan ditahan langgar syarat lesen

KOTA BHARU - Dua bot nelayan tempatan ditahan dalam operasi berasingan selepas disyaki melakukan aktiviti perikanan pada jarak kurang 12 batu nautika dari pantai.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Erwan Shah Soahdi berkata, penahanan kedua-dua bot itu dilakukan ketika Op Damai/Op Naga Barat/Op Tiris di sekitar perairan negeri itu.

Menurutnya, penahanan pertama membabitkan bot nelayan tempatan Kelas C kira-kira jam 10.40 malam pada 9 Mei lalu di kedudukan 10.2 batu nautika dari Pantai Senok, Bachok.

"Bot dikendalikan tujuh kru berusia antara 24 hingga 49 tahun termasuk tekong disyaki warga Vietnam," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambahnya, bot kedua ditahan pada jarak kira-kira 24.1 batu nautika dari muara Tok Bali jam 11 malam pada 16 Mei lalu.

Erwan berkata, bot dikendalikan seorang tekong dan enam penumpang yang juga pemancing tempatan berusia antara 31 hingga 43 tahun.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 termasuk melanggar syarat sah lesen," katanya.